



KENYATAAN AKHBAR

CIDB Umum Pelantikan Ketua Eksekutif

Kuala Lumpur, 5 September 2023 – Sr Mohd Zaid Zakaria telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berkuatkuasa pada 1 September 2023.

Beliau yang sebelum ini memegang jawatan Timbalan Ketua Eksekutif I CIDB, telah berkhidmat selama 22 tahun di dalam organisasi tersebut dengan mengetuai Sektor Pembangunan Teknologi, Sektor Kontraktor & Levi, Sektor Penguatkuasaan dan pernah menjadi Pengarah Negeri CIDB Selangor.

Sr Mohd Zaid Zakaria telah berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat dalam industri pembinaan selama lebih daripada 34 tahun, termasuk sebagai Juruukur Bahan di Jabatan Kerja Raya selama 14 tahun. Selain terlibat dalam merangka dasar dan halatuju yang bersesuaian untuk CIDB dalam menerajui industri pembinaan negara, beliau juga aktif memberikan sumbangan kepada badan professional seperti Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) dan The Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM). Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Awam (Kejuruteraan Pembinaan dan Pengurusan Projek) dari Oklahoma State University, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ukur Bahan dari Liverpool Polytechnic, United Kingdom.

Sr Mohd Zaid Zakaria dilantik sebagai Ketua Eksekutif CIDB bagi menggantikan Datuk Ir Ahmad 'Asri yang telah menamatkan perkhidmatan kontrak pada 30 Ogos 2023, setelah berkhidmat selama 38 tahun di perkhidmatan awam.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
